


Headline **UPM hasilkan baja banyakkkan buah sawit**  
Date **11. Mar 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **25**  
Section **Dalam Negeri** Article Size **417** cm2  
Circulation **238082** Frequency **Daily**  
Readership **833287** Color **Full Color**



# UPM hasilkan baja banyakkkan buah sawit

Baja kompos Trichoderma juga yang pernah digunakan ke atas 200 batang anak pokok kelapa sawit dan berjaya merangsang pengeluaran buah sawit yang lebih cepat iaitu ketika pokok berusia 15 bulan

**DR. FARIDAH ABDULLAH**  
Penyelidik



FROF. Dr. Faridah Abdulllah sedang menunjukkan trofi dan sijil anugerah Emas di Serdang, semalam.

Oleh RAJMAH HASAN

**SERDANG** 10 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan baja kompos Trichogreen yang mampu meningkatkan pengeluaran buah kelapa sawit antara 50 hingga 60 peratus.

Profesor Dr. Faridah Abdullah yang mengetuai pasukan kajian itu berkata, penghasilan baja kompos tanpa bahan kimia itu adalah melalui proses penapaian kulat Trichoderma.

“Peringkat awal kajian adalah untuk menghalang Ganoderma iaitu sejenis penyakit yang menyerang pangkal batang pokok kelapa sawit,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Menurutnya, kulat berkenaan digunakan bagi menghentikan serangan penyakit Ganoderma merupakan ancaman yang sangat ditakuti oleh peladang kerana pokok kelapa sawit yang matang boleh tumbang pada bila-bila masa akibat reput.

Katanya, dianggarkan 50 peratus daripada 4 juta hektar ladang kelapa sawit terdedah dengan ancaman penyakit Ganoderma.

Katanya, kajian itu sejak 10 tahun lalu itu melibatkan peruntukan kira-kira RM800,000.

“Untuk mendapatkan kulat Trichoderma yang sesuai memang sukar, apa yang saya lakukan adalah mencampurkan Trichoderma dengan baja kompos menerusi proses pena-

paian yang dipencilkan,” katanya.

Tambah beliau, uji kaji ke atas pokok kelapa sawit berusia 13 tahun yang diserang penyakit Ganoderma di Ladang Kemedak, Johor, pada 2005 menunjukkan hanya dengan penggunaan Trichogreen pada kuantiti 50 kilogram setiap enam bulan, berjaya menghasilkan buah sawit lebih banyak dan berat sehingga 60 peratus.

Katanya, baja kompos Trichoderma juga yang pernah digunakan ke atas 200 batang anak pokok kelapa sawit dan berjaya merangsang pengeluaran buah sawit yang lebih cepat iaitu ketika pokok berusia 15 bulan, berbanding penggunaan baja biasa pokok mengeluarkan hasil ketika berusia 18 bulan.

Buat masa ini Faridah berkata, baja kompos Trichogreen belum lagi dikomersialkan dan kajian lanjut sedang dilakukan.

Dalam pada itu kajian yang dilakukan sejak sejak 10 tahun lalu itu berjaya memenangi pingat emas selain mendapat anugerah khas ‘The Very Best Award’ pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2008 yang berlangsung pada 21 hingga 23 Februari, lalu

UPM mengatasi 34 organisasi dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara apabila berjaya meraih 11 pingat emas, perak (tujuh) dan gangsa (12) serta mendapat pengiktirafan tertinggi dalam MTE 2008 anjuran Persatuan Saintis Penyelidikan Malaysia dan Protamp Exhibitions Sdn. Bhd.